

PMB INVESTMENT TERUS TARIK PELABUR

Oleh Yap Siong Han
UB 18.12.2021 P.01

KOTA KINABALU: PMB Investment Berhad (PMB Investment) terus nekad untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan di peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutif PMB Investment Mahani Ibrahim berkata, ia susulan sambutan positif pelabur ditunjukkan melalui dana global pertamanya yang dilancarkan pada Oktober lepas iaitu PMB Syariah Global Equity Fund (PMB-SGEF).

"Ketika pelancaran itu, kita meletakkan sasaran jualan sebanyak RM20 juta sehingga hujung tahun ini.

"Setakat November 2021, PMBSGEF telah mencapai sasaran suiz jualan ham-pir RM18 juta. Pelabur mempunyai keyakinan untuk terus melabur dalam pasaran global walaupun terdapat peningkatan kembali kes pandemik dan risiko penularan.

"Bagaimanapun, tindakan pembendungan penularan pandemik yang agresif akan terus mempengaruhi aktiviti pelaburan," katanya ketika ditemui dalam Majlis Makan Malam Bersama Media di sini, kelmarin.

Beliau berkata, PMB Investment optimis PMB-SGEF mampu mencapai sasaran jualan sekurang-kurangnya RM25 juta

● Tiga lagi dana saham amanah syariah akan diperkenal pada suku pertama 2022



TERANGKAN: Mahani menjelaskan sesuatu ketika majlis makan malam berkenaan.

sehingga RM50 juta dalam tempoh setahun selepas ia dilancarkan pada 28 Oktober lalu.

Katanya, ia berikutan ekonomi Malaysia yang dijangka terus meningkat pada suku pertama tahun hadapan di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka terus mengukuhkan antara

5.5 peratus sehingga 6.5 peratus pada 2022 ber-dasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

"Pada suku keempat tahun ini, banyak sektor ekonomi dan sosial telah beroperasi sepenuhnya serta pelbagai kesinambungan inisiatif rangsangan telah dikeluarkan oleh ker-

jaan bagi menangani impak COVID-19 akan memberi kesan limpahan serta sokongan kepada ekonomi tahun hadapan," katanya.

Menurutnya, PMB Investment tidak terkecuali untuk mengambil langkah proaktif strategik dalam menyediakan pelbagai pilihan pelaburan di peringkat global dengan potensi

pulangan pelaburan yang mampu sejajar dengan kesan pemulihran ekonomi semasa.

Beliau menjelaskan PMB Investment juga merancang untuk memperkenalkan tiga lagi dana saham amanah syariah kepada masyarakat pelabur dan dana pertama bakal dilancarkan pada suku pertama

2022.

"Satu road show akan diadakan di beberapa lokasi terpilih di Sabah bagi menggalakkan pelaburan Saham Amanah, sesi taklimat juga diadakan dengan organisasi serta institusi pengajian tinggi.

"Kami mahu bagi pendekaran kepada masyarakat negeri ini khususnya golongan muda tentang pentingnya perancangan pelaburan di usia muda.

"Kami mahu jadikan pelaburan sebagai gaya hidup kumpulan ini, selain mula melabur awal, mereka juga boleh menjadi perunding unit amanah untuk sumber pendapatan sampingan atau secara penuh masa," katanya.

Selain itu katanya, satu program perintis dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk melatih 100 graduan sebagai Usahawan Kewangan Syariah PMB Investment telah diadakan.

"Para graduan harus di-galakkan untuk tidak hanya bergantung kepada makan gaji semata-mata selepas tamat pengajian. Mereka boleh memulakan karier sebagai usahawan berjaya dan semua latihan serta ke-mahiran akan disampaikan oleh PMB Investment," katanya.